



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## KENYATAAN MEDIA

### VIDEO TULAR KEJADIAN DISYAKI PENDERAAN KANAK – KANAK DI TADIKA

---

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memandang serius berhubung video tular di media sosial berkenaan kejadian seorang pendidik disyaki melakukan penderaan kepada kanak – kanak di sebuah Taman Didikan Kanak-kanak (TADIKA).

Pihak Kerajaan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang disyaki melakukan kesalahan yang melibatkan kesihatan dan kebajikan kanak-kanak dan akan terus komited meningkatkan kesedaran masyarakat melalui kerjasama pelbagai pihak.

Kementerian menggesa agar pihak berkuasa untuk mengambil tindakan tegas kepada mana-mana individu yang disyaki terlibat dengan penderaan dan penganiayaan terhadap kanak-kanak yang boleh menjadi suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Kanak-Kanak 2001.

Dalam pada itu, Kementerian juga akan berhubung dengan Kementerian Pendidikan Malaysia selaku Kementerian yang bertanggungjawab terhadap tadbir urus tadika.

Kementerian meminta kerjasama daripada semua pihak untuk melaporkan sebarang tingkah laku yang mencurigakan terhadap kanak – kanak kepada pihak yang bertanggungjawab atau menghubungi **Talian Kasih 15999** dan **talian WhatsApp 019 – 2615999** yang beroperasi **24 jam sehari**.

###

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
PUTRAJAYA  
27 MAC 2021